

# Tidak susah kuasai bahasa kebangsaan

Persekitaran, pendidikan juga pengaruhi penguasaan bahasa

Oleh Soon Li Wei  
bhsastera@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Peristiwa ini berlaku di sebuah klinik kesihatan, kira-kira dua tahun lalu. Ketika menunggu giliran, seorang pemuda berbangsa Cina, saya kira berusia awal 20-an, bertanya kepada saya dalam bahasa Mandarin.

"Kak, boleh tolong saya membuat pendaftaran di kaunter. Saya tak faham bahasa Melayu. Boleh tak tolong terjemahkan apa yang nurse itu cuba sampaikan?" katanya sambil menghulurkan kad pengenalan beliau kepada saya.

Ketika itu, memang ranta orang di klinik. Kira-kira ada 10 pesakit sebelum tiba giliran saya untuk berjumpa dengan doktor. Melihatkan dirinya yang kelihatan serba-salah di kaunter pendaftaran, maka sayaersetuju untuk membantu.

Setelah selesai urusan pendaftaran, sambil tunggu giliran, saya sempat lagi berborak dengan pemuda itu, yang hanya mahu dikenali sebagai Shin.

"Adik dulu sekolah mana? Sekolah persendirian Cina ke?" saya mulakan perbualan dalam bahasa Mandarin dengan Shin.

"Ya betul, saya bekas pelajar sekolah persendirian. Kemudian saya melanjutkan pelajaran di Taiwan, baru sahaja pulang ke Malaysia dan sedang mencari pekerjaan," kata Shin yang mahu mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan di klinik itu.

Sambil berbual, saya dapat merasakan Shin sebenarnya tidak yakin untuk berkomunikasi dengan orang yang tidak

bertutur sama bahasa dengan beliau. Ini berdasarkan pemerhatian saya ketika beliau cuba bertutur dalam bahasa Melayu dengan jururawat.

"Kak sangat fasih berbahasa Melayu, tiada dialek Cina pun, dari mana kak belajarnya?" Shin berasa hairan terhadap kefasihan bahasa Melayu saya.

"Saya membesar di kampung, selalu bertutur dalam bahasa Melayu dan bergaul dengan jiran dan kawan bukan Cina. Mula-mula saya tidak fasih tapi lama kelamaan saya paksa diri untuk belajar bertutur dalam bahasa Melayu.

"Jangan takut membuat kesilapan, salah bertutur itu biasa, ia sebahagian daripada pembelajaran, ramai yang akan membantu awak nanti," pesanan saya sebelum mengakhiri perbualan kami.

## Sedikit kecawa

Dalam masa yang sama, jauh di sudut hati saya, saya berasa sedikit kecawa dengan sikap golongan muda bukan Melayu, yang memandang remeh akan tahap penguasaan bahasa kebangsaan dalam kalangan mereka. Mungkin bagi mereka, bahasa Melayu itu hanya digunakan di Malaysia sahaja, bukan bahasa antarabangsa seperti mana bahasa Inggeris. Tidak dinafikan, faktor persekitaran dan sistem pendidikan amat mempengaruhi penguasaan bahasa seseorang, terutamanya bukan bahasa ibunda. Namun, bukankah di mana ada kemahuan, di situ ada jalan?

Saya masih ingat lagi ketika tinggal bersama datuk dan nenek di kampung halaman iaitu Kampung Guchil 4 (Kuala Krai, Kelantan). Kami satu-satunya keluarga Cina dan dikelilingi jiran Melayu dan sebuah surau kampung.

Setiap petang selepas pulang dari sekolah, saya bermain dengan anak-anak jiran berusia antara lima hingga 12 tahun di rumah-rumah mereka, kadang kala dipelawa oleh ibu bapa

mereka untuk makan bersama-sama. Di situlah bermulanya pertuturan bahasa Melayu dengan mereka, walaupun dalam dialek Kelantan!

Walaupun bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, saya tidak kekok bertutur dalam bahasa Melayu dengan guruguru Bahasa Melayu, sentiasa ditawarkan untuk menyertai pelbagai pertandingan dalam Bahasa Melayu, termasuk pertandingan syarahan dan penulisan esei bagi menggilap kemahiran sebutan dan penguasaan latabahasa.

Apabila melangkah ke sekolah menengah kebangsaan, saya berkawan dengan semua bangsa. Apabila saya slap menyebut perkataan, rakan Melayu membetulkan sebutan saya.

Pekerja asing yang hanya datang beberapa bulan bekerja di Malaysia sudah boleh bertutur dalam bahasa Melayu dengan lancar, mengapa pula kita sebagai rakyat Malaysia tidak boleh menguasai bahasa kebangsaan dengan baik?

Sebagai rakyat Malaysia, banggalah dengan bahasa kebangsaan kita kerana bahasa adalah jiwa bangsa. Bagi saya, kelemahan Shin bertutur bahasa Melayu juga masalah yang dialami ramai bukan bangsa Melayu termasuk golongan muda.

Felo utama Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Teo Kok Seong secara berterus terang berpandangan, punca utama masyarakat bukan Melayu tidak fasih berbahasa Melayu adalah kerana mereka tidak berani keluar zon selesa.

"Walaupun tidak semua, tapi golongan ini kurang yakin terhadap kemampuan bahasa Melayu untuk melonjakkan anak bangsa serta memajukan negara.

"Mereka hanya berkawan dalam kelompok mereka sahaja, bertutur dalam bahasa yang sama dan makan bersama-

sama, jadi mereka berasa tidak selesa selikranya berada dalam kelompok yang hanya mereka sahaja yang merupakan minoriti.

Selain itu, sistem pendidikan juga faktor utama terwujudnya kelemahan dalam menguasai bahasa kebangsaan, iaitu pendidikan vernakular yang hanya tertumpu kepada bahasa ibunda mereka sahaja.

"Sebab itulah jika mahu memartabatkan bahasa kebangsaan, sistem pendidikan satu aliran adalah lebih baik kerana cara itulah dapat memupuk semangat perpaduan sejak kecil," katanya.

## Ibu bapa mahu peranan

Menurut beliau, ibu bapa juga memainkan peranan dalam mendidik anak-anak mereka supaya bergaul dengan rakan-rakan pelbagai kaum.

"Jika ibu bapa mereka tidak boleh menunjukkan contoh yang baik, bagaimana mahu mendidik anak-anak mereka supaya cintakan bahasa dan budaya serta memupuk semangat perpaduan?"

"Mereka tidak memperlihat kebanggaan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sebaliknya hanya tertumpu kepada memartabatkan bahasa ibunda mereka sendiri, bagaimana hendak maju jika pandangan orang luar melihat kita sebagai rakyat Malaysia tetapi tidak boleh berbahasa kebangsaan?" katanya.

Tidak dinafikan figura dan ahli politik juga berperanan

dalam memupuk semangat cintakan bahasa kebangsaan, terutamanya menerusi media sosial.

Dalam industri hiburan tanah air, tidak kurang juga beberapa artis bukan Melayu yang fasih bertutur dalam bahasa Melayu amat menyerlah dan diminati ramai seperti Dr Soo Wincci, Alvin Chong, Lim Mei Fen dan Angeline Tan.

Saya pernah menemui bual pelakon dan penerbit, Lim Mei Fen ketika pementasan *Tanah Akhirku* di Istana Budaya kira-kira dua tahun lepas.

Meskipun pada mulanya langsung tidak boleh berbahasa Melayu, namun pembabitan dalam teater Melayu menjadikan beliau gigih mempelajari bahasa kebangsaan sehingga boleh bertutur dengan lancar.

"Bahasa Melayu adalah bahasa perpaduan yang menyatupadukan masyarakat berbilang kaum, jika saya tidak fasih berbahasa kebangsaan, saya akan berasa malu untuk bergaul dengan rakan-rakan bangsa lain menyebabkan saya tidak boleh melangkah keluar daripada zon selesa," katanya.

BERNAMA



Alvin Chong

Dr Soo Wincci



**Walaupun tidak semua, tapi golongan ini kurang yakin terhadap kemampuan bahasa Melayu untuk melonjakkan anak bangsa serta memajukan negara"**

Prof Datuk Dr Teo Kok Seong  
Felo utama Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma), UKM